

Sejadah inovasi harumkan nama USIM

SEREMBAN 18 Jun - Sekumpulan penuntut tahun tiga Fakulti Ekonomi dan Muamalat (FEM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) melakar sejarah tersendiri apabila muncul naib johan Pertandingan Usahawan Inovasi Piala Menteri Pendidikan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur baru-baru ini.

Menerusi penciptaan inovasi *Sejadah Black is Bright (BB)* yang menampilkan beberapa ciri istimewa berbanding sejadah biasa, kumpulan tersebut terpilih untuk berada dalam kelompok 10 produk terbaik di peringkat akhir sebelum menggondol hadiah di tempat kedua pertandingan berkenaan.

Kejayaan kumpulan yang dibarisi Noorelkamal Elias, Munamajidah Zameran, Nor Aziha Jusoh dan Nasrul Hanif Ahmad Nasri itu menyaksikan mereka membawa pulang hadiah RM3,000, piala iringan beserta sijil penghargaan yang disampaikan Menteri Pendidikan II, Datuk Seri Idris Jusoh.

Menurut Noorelkama yang juga ketua kumpulan, objektif utama

penciptaan produk itu adalah untuk berkongsi manfaatnya bersama masyarakat, selain memudahkan penggunaannya untuk mendirikan solat tanpa mengira lokasi.

"Syukur di atas kejayaan ini dan ini merupakan kali pertama produk tersebut dipertandingkan dalam kategori keusahawanan.

"Ini bermakna ciptaan *Sejadah BB* ini mempunyai nilai komersial yang tinggi untuk dipasarkan kerana membawa ciri unik dan amat praktikal," katanya di sini baru-baru ini.

Jelasnya lagi, sebagai persediaan awal, kumpulan mereka telah menyediakan pelan perniagaan, kajian pasaran dan mengenal pasti kilang berpotensi untuk menghasilkan produk berkenaan.

"Sekiranya mendapat sambutan, kita bukan sahaja akan menghasilkannya di kilang tempatan, malah diperluaskan di China dan Indonesia untuk dipasarkan," katanya.

Buat masa ini pengeluaran *sejadah* ini akan dilakukan dengan kerjasama Persatuan Ibu Tunggal di Negeri Sembilan dan Selangor.



TIMBALAN Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) USIM, Prof. Datuk Dr. Musa Ahmad (tiga kiri) bersama penuntut tahun tiga Fakulti Ekonomi dan Muamalat yang muncul naib johan Pertandingan Usahawan Inovasi Piala Menteri Pendidikan di PWTC, Kuala Lumpur, baru-baru ini.